

## 41 pelajar program empower ECER cemerlang



Khamis 28 Mac – Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur Wilayah Pahang (ECERDC) menganjurkan Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik Empower ECER 2016 bagi meraikan kejayaan 41 pelajar cemerlang Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2016 baru-baru ini.

Mereka yang cemerlang ini terdiri daripada 300 pelajar daripada tujuh buah sekolah iaitu empat sekolah rendah dan tiga sekolah menengah sekitar Kuantan. Majlis diserikan dengan kehadiran Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang bagi kawasan Sungai Lembing, YB Dato' Md Sohaimi Haji Mohamed Shah. Hadir sama Naib Canselor UMP, Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Pengurus Besar, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur Wilayah Pahang, Dato' Haji Mohd Mazlan Sharudin dan Ketua Pegawai Ekektuf UMP Advanced Education, Mohamad Rozi Hassan, Penasihat Persatuan Wanita UMP (Matahari), Datin Fazia Ali dan Presiden Matahari, Prof. Datin Dr. Mimi Sakinah Abd Munaim.

Naib Canselor UMP, Dato' Dr. Daing pula berkata, program ini merupakan manifestasi penghargaan dan pengiktirafan UMP selaku peneraju utama program Latihan Kemahiran Akademik di bawah inisiatif Empower ECER bersama pihak ECERDC kepada warga sekolah yang menerima manfaat sepanjang tahun 2016 dalam peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM.

"Keunikan program ini terletak pada fokus kandungan modul dan kumpulan sasarannya dengan mendedahkan para peserta kepada teknik kemahiran belajar yang lebih terkini. Cabaran utama pelaksanaannya program ini adalah untuk mentransformasi pencapaian pelajar yang majoritinya dari kumpulan C, D dan E agar meningkat kepada kumpulan A dan B," katanya.

Menurut Dato' Dr Daing, berkat usaha dan doa semuaseramai empat peserta yang mencapai keputusan cemerlang 6A dalam UPSR, seramai 22 peserta mencapai keputusan 5A ke atas dalam peperiksaan PT3 dan seorang daripadanya mencapai keputusan 8A dalam PT3. Malahan apa yang lebih menggembirakan bagi peperiksaan PT3 tahun 2016, kita berjaya mencatat rekod sifar gagal di kalangan peserta Program Latihan Kemahiran Akademik Empower ECER Daerah Kuantan.



Sementara itu, bagi peperiksaan SPM pula menyaksikan transformasi ketara apabila 79 peserta berjaya merekodkan kelulusan dalam SPM dan dua daripadanya menerima keputusan 8A berbanding hanya 12 calon berada pada tahap lulus

sebelum menyertai program ini.

UMP juga amat berbesar hati apabila dapat menunaikan tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) melalui inisiatif Empower ECER sejak tujuh tahun lalu dengan kepercayaan.

Dalam majlis ini Dato' Md Sohaimi melahirkan rasa bangga dengan kerjasama pihak ECERDC, UMP dan peserta Empower ECER yang berjaya meraih kejayaan pada hari ini. Beliau mengharapkan usaha ini akan dapat diteruskan dan melahirkan lebih ramai lagi pelajar cemerlang .

Bagi penerima anugerah kecemerlangan, Nik Nor Izzati Zairudin, 18 dari Sekolah Menengah Padang Garuda amat berterima kasih kepada pihak sekolah, ECERDC dan UMP yang banyak membantu beliau dan rakan-rakan sehingga meraih kejayaan dalam SPM. Beliau menanam cita-cita untuk terus mencipta kejayaan dan melangkah ke menara gading dan hasratnya untuk membantu kedua ibu bapanya menjadi kenyataan.

**Disediakan oleh Bahagian Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor**

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 30-03-2017, 12:25:44